

dalamnya tercatat: *بسم الله الرحمن الرحيم*. Dari Muhammad hamba Allah dan dan Rasulnya kepada Hiraqlu pembesar Rom. Salam sejahtera kepada orang yang mengikuti pertunjuk. Adapun kemudian daripada itu, sesungguhnya saya menyeru kamu kepada seruan Islam. Islamlah kamu, niscaya kamu akan selamat dan pasti Allah akan memberikan kepadamu pahala dua kali ganda. Tetapi jika anda berpaling sesungguhnya dosa ra'yat jelata⁸³ akan ditanggung oleh anda. (Wahai Ahli kitab ke marilah kepada satu ajaran yang sama antara kami dengan kamu iaitu kita tidak menyembah selain dari Allah dan tidak mempersekutukan sesuatu dengannya dan sebahagian dari kita tidak mengambil sebahagian yang lain sebagai tuhan-tuhan selain dari Allah dan jika mereka berpaling maka katakan, "bersaksilah kamu bahawa kami adalah orang-orang Islam."⁸⁴ Abu Sufyan berkata, Setelah Hiraqlu selesai bersoal jawab dengan kami dan selesai juga membaca surat tersebut, riuh rendahlah majlis itu dan suara-suara orang ramai pula membumbung tinggi.⁸⁵ Kami dikeluarkan. Ketika itu saya berkata kepada sahabat-sahabat saya: "Oh!

ke lapan Hijrah, apabila beliau menghantar bala tenteranya untuk menentang tentera-tentera Islam. Walau bagaimanapun, beliau tetap menghormati surat Nabi s.a.w. dengan menyimpannya dengan baik di dalam selembar kain sutera dan menyatakan, kerajaannya akan terus kekal selagi surat tersebut masih selamat di dalam simpanan pewaris-pewarisnya.

⁸³ Walaupun makna asal bagi perkataan '*Arisiyyin*' adalah para petani, tetapi para mufassirin telah mentafsirkannya dengan pelbagai tafsiran. Namun tafsiran terbaik dan disepakati ramai oleh mereka ialah rakyat jelata. Hadith ini juga menunjukkan bahawa jika seseorang pemerintah menetapkan sesuatu ketetapan atau menganjurkan sesuatu kebaikan, dia turut akan memperoleh ganjaran yang sama sepertimana yang diperoleh oleh rakyat jelatanya. Sebaliknya jika dia menetap atau menganjurkan sesuatu kema'shitan, dia juga akan turut mengaut habuan yang sama.

⁸⁴ Daripada hadits ini juga para 'ulama' telah menyimpulkan bahawa antara adab menulis surat rasmi ialah dengan mendahulukan nama pengirim terlebih dahulu. Walaupun demikian terdapat ramai juga di kalangan 'ulama' yang tidak menetapkan prosedur sedemikian dengan mengharuskan nama penerima ditulis terlebih dahulu. Keharusan sebegini diputuskan oleh mereka berdasarkan contoh-contoh surat para sahabat yang didapati turut mendahulukan nama penerima terlebih dahulu.

⁸⁵ Melalui soal jawab di antara beliau dan Abu Sufyan, pengetahuannya tentang ilmu agama dan ma'lumat tentang kenabian amat terserlah sebagaimana riwayat tersebut yang meletakkan ketinggian ilmu beliau setanding dengan ketua paderi yang berada di Rom pada ketika itu. Setiap jawapan Abu Sufyan kepada soalan yang beliau ajukan dibalas pula dengan komentar yang bernas oleh beliau. Namun susunan soal jawab di antara Hiraqlu dan Abu Sufyan di dalam hadits ini agak tidak teratur jika dibandingkan dengan susunannya di dalam hadits yang sama yang

Hebat betul kerja Ibnu Abi Kabsyah (Abu Kabsyah ialah gelaran suami Halimah penyusu Nabi s.a.w.). Sehingga raja anak-anak orang berkulit kuning (orang-orang Rom) pun takut kepadanya. Sejak itulah saya mulai yakin bahawa dia (Nabi s.a.w.) akan menang sehinggalah Allah memasukkan Islam ke dalam hatiku.”

Ibnu an-Nathur gabenor Iilya’ adalah kawan Hiraqlu. Beliau juga merupakan ketua paderi orang-orang Kristian di Syam. Beliau menceritakan bahawa “Hiraqlu pada suatu pagi setelah sampai di Iilya’ kelihatan bermuram durja justeru salah seorang paderi menegur beliau dengan berkata: “Saya nampak tuanku tidak seperti biasa?” Ibn an-Nathur berkata, “Hiraqlu adalah seorang ahli nujum. Dia berkata kepada mereka ketika mereka bertanya kepadanya begitu: “Sesungguhnya malam tadi ketika saya menilik bintang-bintang, saya nampak raja khitan telah pun muncul. Siapakah yang berkhitan di kalangan umat ini?” Mereka berkata, “Tidak ada yang berkhitan kecuali orang-orang Yahudi, tetapi tak perlulah tuanku risau tentang mereka. Tulis saja surat perintah kepada pembesar-pembesar di kota-kota kerajaan tuanku supaya mereka membunuh orang-orang Yahudi yang ada di tempat masing-masing. Ketika mereka sedang bercakap-cakap begitu, tiba-tiba dibawa mengadap Hiraqlu seorang lelaki utusan raja Ghassaan yang dapat menceritakan tentang Rasulullah s.a.w. Apabila Hiraqlu telah mendapat ma’lumat tentang Rasulullah s.a.w. daripadanya (dan orang itu pun telah pergi dari sisinya) tiba-tiba Hiraqlu berkata, “Pergilah kamu melihat sama ada orang itu berkhitan atau tidak?” Mereka pun memeriksa utusan itu dan seterusnya melapurkan bahawa dia berkhitan dan Hiraqlu bertanya orang itu tentang orang-orang Arab, dia berkata, “Mereka berkhitan”. Hiraqlu lantas berkata, “Dialah (Rasulullah s.a.w.) raja umat ini yang telah muncul itu.” Kemudian Hiraqlu menulis surat kepada seorang sahabatnya yang berada di Rom. Sahabatnya itu seorang yang berpengetahuan setanding dengannya. Seterusnya Hiraqlu berangkat ke Hims. Sebelum lagi beliau keluar dari Hims, surat balas dari sahabatnya telah pun sampai. Di dalam surat itu dia menyatakan persetujuannya dengan pendapat Hiraqlu tentang kemunculan Nabi s.a.w. dan bahawa Baginda s.a.w. benar-benar seorang Nabi. Hiraqlu mengizinkan kepada pembesar-pembesar Rom untuk hadir ke istananya

dibawakan oleh Imam Bukhari di dalam *Kitabul Jihad* nanti, di mana susunan jawapan adalah mengikut tertib soalan.

di Hims. Kemudian beliau mengarahkan agar pintu-pintunya ditutup lalu beliau muncul di tempat tinggi untuk berucap. Katanya: “Wahai orang-orang Rom! Adakah kamu hendak berjaya dan mendapat pertunjuk? Adakah kamu mahu kerajaanmu terus kekal? Kalau begitu berilah ta’at setiamu kepada Nabi (akhir zaman) ini. Sebaik sahaja mereka mendegar ucapan Hiraqlu, mereka menjadi liar seperti keledai-keledai hutan dan terus berkejaran ke pintu, tetapi pintu-pintu didapati terkunci. Apabila Hiraqlu melihat keliran mereka (terhadap Islam) dan tidak ada harapan lagi mereka akan beriman, beliau berkata: “Kembalikan mereka kepadaku.” Selanjutnya beliau berkata: “Sebenarnya saya berkata begitu untuk menguji keteguhan kamu di atas agamamu dan telah pun saya lihat.” Mereka pun bersujud dan berpuas hati dengannya. Begitulah akhirnya keadaan Hiraqlu. Abu ‘Abdillah (Imam Bukhari) berkata, “Saleh bin Kaisan, Yunus dan Ma’mar⁸⁶ turut meriwayatkannya daripada az-Zuhri.⁸⁷

⁸⁶ Imam Bukhari mengemukakan nama-nama perawi lain sebagai *Mutabi’* kepada Syu’aib daripada az-Zuhri. Mereka ialah Saleh bin Kaisan, Yunus dan Ma’mar. Riwayat Saleh bin Kaisan dan Yunus dikemukakan Bukhari di dalam *Kitab al-Jihad*. Sementara riwayat Ma’mar pula di dalam *Kitab at-Tafsir*.

⁸⁷ Menerusi hadits ini Imam Bukhari hendak mengaitkan permulaan wahyu dengan permulaan penerimaan wahyu di kalangan bangsa asing iaitu maharaja Rom. Melalui hadits ini, reaksi dan kesan daripada wahyu yang diutuskan kepada bangsa Rom melalui surat Baginda s.a.w. sangat jelas kelihatan, kerana wahyu mengandungi momentum kehebatan yang meninggalkan impak luar biasa sepertimana telah dijelaskan sebelum ini. Dan kesan kehebatan tersebut lebih dirasai lagi oleh sesiapa yang mula-mula menerimanya. Di akhir bab ini pula Imam Bukhari mengisytarkan kepada penamatnya (براعة الاختتام) dengan mengemukakan kata-kata: “*Begitulah berakhirnya keadaan Hiraqlu*” sebagai pembayang kepada penamat bab Wahyu dan sebagai isyarat kepada kesudahan setiap makhluk yang hidup. Mati! **Antara pengajaran, panduan, pedoman** dan hukum yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Qaedah penulisan surat yang diutus khusus untuk mengajak orang-orang kafir untuk memeluk atau menerima Islam haruslah dikarang dengan menggunakan gaya bahasa yang lemah lembut. (2) Setiap surat Baginda s.a.w. dimulakan dengan *بسم الله الرحمن الرحيم* walaupun ia diutuskan kepada orang-orang kafir. (3) Pengkhabaran tentang agama walaupun hanya disampaikan oleh seorang individu sahaja wajib diterima sekiranya individu tersebut terbukti adalah seorang yang amanah. Malah Baginda telah menghukum dengan tegas sama ada beriman atau tidaknya Hiraqlu hanya berdasarkan surat itu sahaja. (4) Orang-orang kafir yang memeluk Islam akan menerima ganjaran sebanyak dua kali ganda. Namun ada sesetengah ‘ulama’ yang membataskan keistimewaan ini hanya kepada golongan Ahli Kitab sahaja. (5) Hukum menyentuh kitab al-Qur’an bagi orang-orang kafir adalah harus pada pandangan Imam Bukhari dan orang-orang yang sependapat dengannya. (6) Sebelum memulakan peperangan dengan orang-orang kafir, mereka harus dida’wah dengan menggunakan

pendekatan lembut terlebih dahulu. (7) Keturunan yang mulia juga menjadi ukuran dan keutamaan menurut Islam dalam melantik seseorang pemimpin. (8) Hukum menyentuh, menanggung dan membawa mushaf al-Quran serta apa jua bahan bacaan yang mengandungi ayat-ayat al-Qur'an adalah harus bagi orang-orang yang berhadats besar (seperti berjubah dan lain-lain) dan berhadats kecil menurut Bukhari dan orang-orang yang sependapat dengannya. (9) Teknik penulisan yang paling baik ialah yang paling ringkas isinya tetapi padat dan mendalam maksudnya. (10) Hukum mengunjungi negara-negara kafir adalah harus. (11) Individu yang menjadi penyebab kepada seseorang mendapat hidayah akan diberikan ganjaran yang sama dengan orang yang mendapat hidayah tersebut. Begitu jugalah dengan individu yang menjadi penyebab kepada seseorang terjerumus ke dalam kesesatan. (12) Semua agama dan masyarakat menerima perbuatan berdusta adalah sesuatu yang keji dan tercela. (13) Para anbiya' adalah individu-individu yang terpilih di antara kaum yang paling mulia di kalangan bangsa mereka. (14) Golongan Ahli Kitab pada ketika itu terutamanya paderi-paderi dan pembesar-pembesar di kalangan mereka sememangnya mengetahui dan akur dengan kerasulan Baginda s.a.w. Kerana selain daripada ma'lumat-ma'lumat tentang nabi akhir zaman yang terdapat di dalam kitab-kitab suci mereka amat jelas bertepatan dengan peribadi Baginda s.a.w., fenomena alam termasuk pergerakan bintang-bintang dan sebagainya turut sama mengesahkan kemunculan rasul yang ditunggu-tunggu itu. (15) Tidak harus memulakan salam atau memberi salam kepada orang-orang yang bukan Islam. Ini kerana Nabi s.a.w. hanya mengucapkan '*Salam sejahtera kepada orang yang mengikuti petunjuk*'. Namun begitu terdapat khilaf di antara 'ulama' tentang hukumnya. (16) Segala alasan dan dalih yang diberikan oleh orang-orang kafir setelah dida'wah oleh orang-orang Islam tidak boleh diterima. Sekiranya tempoh untuk menyerang mereka telah sampai, dolak-dalik mereka tidak boleh menangguhkan pelaksanaan Jihad yang dilancarkan. Alasan Hiraqlu bahawa beliau tidak mampu berhadapan dengan reaksi ekstrem yang akan diambil oleh para pembesarnya tidak mendapat toleransi Baginda s.a.w. (17) Nabi s.a.w. sentiasa menggunakan ungkapan *Amma ba'du* sebelum memulakan isi kandungan surat menyurat Baginda.